Going around town, several establishments have begun to incorporate green practices into their businesses. For example, One Utama has complemented its single all-in waste bin with a separate bin for recyclables. Calling itself Malaysia's first Eco-Mall, One Utama has quite a few 'Go-Green' campaigns, mainly targeted at raising awareness and funds for forest and wildlife conservation. It is also interesting to see green practices done by small organizations hosting events: like how Peace Meal organizes carpooling for the participants of its book talk. My favourite eco-friendly organization so far, is the Free Tree Society, a charity organization which aims to educate suburban communities of the importance of trees by giving out free seedlings!

Asking around in my own community I found many instances where individuals have gone the extra mile to promote sustainability. Take for example, the PTA president of SK Damansara Jaya 2, Mr. Nasuruddin Aidid. The school had recently won the 'Kidzania's Kids for a Greener World Interschool Competition 2013' with simple initial steps like changing their incandescent light bulbs to the more energy-saving LED light bulbs. Changing light bulbs may sound like an insignificant thing, but changing from incandescent light bulbs to LED light bulbs means using up only 10% of CO_2, sulfur oxide and high-level nuclear waste emitted by incandescent light bulbs. Besides that, LED light bulbs use only 10% of incandescent wattage to produce the same amount of lumens- a fact that would surely make a big difference in your electricity bill. From this,

The card given out during Peace Meal events o encourage carpooling. These are recycle for future events

out in the open. Surprised by the amount of rainwater he collected, Mr. 'Arif says he now uses the water for gardening, and when there is some excess, for ablution. Regardless of the reason for which these residents began their practices, it is these small steps that will be the beginning of bigger things.

Achieving awareness at a grassroot level will be the pivotal point at which we will start to see real change in the way we live our lives. In order for sustainable living to make the change from idea to reality, the approach towards it needs to be holistic. Looking at the increasing amount of participation from various levels of society, perhaps this end goal lies just beyond the horizon.

Students at SKDJ(2) studying under the light of low-illumination bulbs. Source: The StarOnline

These floor mats, made from rubber and rice husk, were salvaged from another building and reused in the school. Source: The StarOnline.

Mr. Nasuruddin started more ambitious projects, like the rainwater harvesting cum fish pond project, and composting using used coffee grounds. In the coming months, Mr. Nasuruddin says there will be 7 more projects to make the school more 'green'.

According to US EPA statistics, commercial agriculture accounts for about 14% of the world's CO_2 emissions. In response to this, many NGOs have promoted organic farming of local produce to mitigate the effects of food production. For Ms. Lili, a resident of TTDI, organic farming is only one of the things she does to reduce her and her family's carbon footprint. She also practices waste separation, composting, and rainwater harvesting. She says she started these practices after learning about them during her stint at HSBC, which held many CSR projects involving the environment. Another TTDI resident, Mr. 'Arif, mentions that he was only curious about how much rainwater he would get from leaving a pot

References

1. *Garret Stembridge,* Give LED Bulbs the Green Light (and Save Some Green!)
   Retrieved 15th June 2013 from http://sustainablog.org/2013/06/led-light-bulbs- costs- savings/
2. Natalie Heng, School Takes Simple but Effective Steps to Save Electricity
   Retrieved 14th June 2013 from http://thestar.com.my/lifestyle /story.asp?
3. Allison Lai, Sort Your Rubbish for Recycling for Separate Collection
   Retrieved 16th June 2013 from http://thestar.com.my/news/ story.asp?
4. Global Emissions By Source, US Environmental Protection Agency
   Retrieved 14th June 2013 from http://www.epa.gov/climatechange/ghgemissions/global.html
5. International Energy Statistics, US Energy Information Administration
   Retrieved 14th June 2013 from http://www.eia.gov/cfapps/ipdbproject/

KITAR SEMULA:
SATU INISIATIF HIJAU DALAM MENANGANI MASALAH PERUBAHAN IKLIM

Nazirah Idris | Emel: nazirahidris@yahoo.com

Alam Perlu Dipulihara untuk Generasi akan Datang

Alam ini merupakan anugerah Allah SWT yang tidak ternilai kepada penghuninya. Sudah semestinya kita yang telah diamanahkan sebagai khalifah di muka bumi ini wajib memelihara dan memulihara alam ini dari sebarang kerosakan kerana Allah telah berfirman dalam Surah Al-A'raf ayat 56 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan berharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat pada orang-orang yang sentiasa memperbaiki amalannya."



Justeru itu setiap daripada kita sebagai anggota masyarakat memainkan peranan yang amat penting agar bumi ini tetap terpelihara demi masa depan bersama. Jangan biarkan bumi yang kita diami rosak dek kerakusan pembangunan. Usah nanti, anak cucu kita tidak lagi mengenal bagaimana rupa hutan dek kepesatan kemajuan yang dikecapi.

Seperti kata-kata Chief Seattle, mantan pemimpin kaum Red Indian Amerika,

"Kita tidak mewarisi bumi kita ini daripada nenek moyang kita, tetapi sebaliknya kita hanya meminjamnya daripada anak cucu kita.....".

Begitulah betapa pentingnya kita menjaga alam sekitar demi mengelakkan kesan buruk kepada generasi yang akan datang.

Pembangunan yang tidak dirancang dengan baik akan menyumbang kepada pemanasan global yang akan mempengaruhi perubahan iklim dunia. Pembuangan sampah yang tidak terkawal, penebangan hutan yang berleluasa, pengurusan sisa toksik yang tidak betul dan pembakaran terbuka akan menyumbang kepada kemusnahan ekologi bumi. Perbuatan ini akan menyebabkan peningkatan kepada suhu dunia yang memberi impak kepada kesan rumah hijau.

Kesan pemanasan global dapat dilihat dalam jangkamasa panjang dan ianya berlaku sedikit demi sedikit di mana alam sekitar mengalami peningkatan suhu yang tinggi walaupun pada waktu malam. Jika tidak dikawal, suhu permukaan bumi akan naik sebanyak 1.10C sehingga 6.40C antara 1990 hingga 2100. Ini akan menyaksikan penurunan pola hujan, pencairan ketulan ais di kutub utara dan selatan, ribut tropika yang teruk dan lain-lain kesan yang akan menggugat kestabilan ekologi bumi.

Jika tidak dikawal dengan sebaiknya, tidak mustahil Malaysia akan tenggelam jika ais di kutub utara cair sepenuhnya di mana kecairan ini akan meningkatkan paras air laut di Laut China Selatan dan Selat Melaka.

Kitar Semula dan Pemanasan Global

Kajian di Malaysia menunjukkan pada tahun 2001, sebanyak 17,000 tan sampah telah dikutip dalam masa sehari di mana angka itu semakin meningkat kepada 19,000 tan pada tahun 2005. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara menjangkakan menjelang tahun 2020, ianya akan bertambah kepada 30,000 tan sampah sehari.

Ini menunjukkan kita telah membuang sebanyak 1.8 juta tan sampah dalam tempoh setahun. Sekiranya ianya tidak diurus dengan baik, longgokan sampah ini boleh memenuhi bandar raya Kuala Lumpur yang mempunyai keluasan 243.65 km^2 dalam masa 3 hari. Sanggupkah kita berdepan dengan situasi begini?

Dalam menangani perubahan iklim ini, pelbagai cara boleh dilakukan. Salah satunya ialah amalan kitar semula. Langkah ini merupakan langkah yang dapat memberi impak yang besar jika mendapat sokongan dari semua pihak. Kitar semula merupakan proses memperoleh atau menjadikan sebahagian atau semua bahan daripada sampah menjadi barang baru yang boleh digunakan semula.

Kitar semula barangan terpakai merupakan satu bentuk inisiatif hijau yang boleh dimainkan oleh industri dan masyarakat umum. Ianya bersesuaian dengan konsep Pengeluaran Bersih yang bukan sahaja menitikberatkan pembaikan berterusan oleh pihak industri ke atas proses, produk dan perkhidmatan, malah turut melibatkan peranan individu dalam masyarakat yang berhubungan dengan industri secara langsung sebagai pengguna barangan dan perkhidmatan.

Di Malaysia, program kitar semula telah dilancarkan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1993 dan 2000. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan 11 November setiap tahun sebagai Hari Kitar Semula Kebangsaan. Walaupun telah lama dilancarkan, peratusan kejayaan kitar semula di Malaysia amat rendah iaitu hanya 5% berbanding negara maju lain seperti German (74%), Belgium (71%), Austria (67%), Belanda (66%) dan Jepun (50%). Perkara ini amat merugikan dari segi ekonomi negara kerana kerajaan terpaksa mengeluarkan wang yang banyak untuk kerja-kerja pelupusan.

Secara amnya, banyak barangan yang boleh dikitar semula di sekeliling kita. Kertas terpakai, surat khabar, botol, tin dan

plastik merupakan barangan yang sentiasa ada di dalam rumah kita. Barang-barang ini jika diurus dengan baik akan dapat mengurangkan timbunan sampah sarap yang banyak kerana 70% sampah yang dibuang boleh dikitar semula.

Sebagai contoh, setiap tan kertas yang dikitar semula sebagai paperboard untuk tujuan pembungkusan dan lain lain kegunaan mampu mengelakkan sebanyak 3.6 juta tan metrik emisi Karbon Dioksida (CO_2). Kitar semula kertas mengurangkan emisi gas-gas rumah hijau yang menyebabkan pemanasan global kerana :

i. Kitar semula kertas mencegah emisi gas methana dari tapak-tapak pelupusan sampah.

Apabila kertas tidak dikitar semula , lebih kurang 80% daripada kertas tersebut akan berakhir di tapak pelupusan sampah. Proses pereputan kertas di tapak pelupasan sampah menghasilkan gas methana, iaitu gas rumah hijau yang kuasa memerangkap habanya adalah 21 kali ganda kuasanya berbanding gas karbon dioksida (CO2). U.S. EPA telah mengenalpasti tapak pelupusan sebagai satu-satunya punca penghasilan gas methana terbesar di Amerika Syarikat, dan pereputan kertas adalah penyumbang terbesar gas methana yang dihasilkan.

ii. Kitar semula kertas memerlukan tenaga yang kurang.

Proses pembuatan kertas daripada kertas yang dikitar semula memerlukan kurang tenaga berbanding pembuatan kertas dari kayu pokok. Pengeluaran paperboard yang dikitar semula 100% menggunakan 50 peratus kurang tenaga berbanding paperboard yang dibuat dari kayu pokok. Ini seterusnya, mengurangkan dengan banyaknya gas rumah hijau yang dibebaskan ke atmosfera.

Selain dari kertas, beg plastik juga merupakan salah satu buangan yang banyak dilupuskan di tapak pelupusan sampah di seluruh dunia termasuk Malaysia. Secara amnya, lebih kurang 500 billion ke 1 trillion beg plastik digunakan serata dunia di mana beg plastik ini akhirnya akan menjadi sampah dan memerlukan 500 tahun untuk diurai. Proses pembuatan plastik pula menggunakan banyak tenaga di mana pihak kilang membakar banyak bahanapi untuk menghasilkan plastik bagi memenuhi permintaan pengguna.

Pembakaran bahanapi fosil adalah sangat mencemar alam sekitar kerana ianya menghasilkan gas karbon dioksida (CO_2) yang merupakan penyebab utama kepada pemanasan global. Pengeluaran 1 kg polyethylene (PET or LDPE) memerlukan 2 kg bahanapi untuk tenaga dan bahan mentah. Polyethylene (PET) merupakan bahan plastik yang paling banyak digunakan untuk pembuatan beg plastik. Sementara itu, pembakaran 1 kg bahanapi pula menghasilkan lebih kurang 3 kg karbon dioksida. Secara mudah, bagi setiap kg plastik sebanyak 6 kg karbon dioksida dihasilkan semasa proses pengeluaran dan pembakaran.

Jika penggunaan beg kitar semula menjadi amalan harian ketika membeli belah, kita telah berjaya mengurangkan penggunaan 6 beg plastik sehari. Jika hanya seorang dari 5 orang di Malaysia mengamalkan amalan ini, kita telah berjaya mengurangkan sebanyak 110,822,400,000 beg. Bayangkan berapa banyak wang dapat dijimatkan dan berapa banyak penghasilan gas rumah hijau yang dapat dikurangkan?

Selain itu, syarikat-syarikat pengeluar barangan atau produk juga perlu memainkan peranan mereka dalam menangani masalah pemanasan global. Langkah yang dilakukan oleh Fuji Xerox Co Ltd patut dicontohi. Mereka menggunakan Sistem Kitaran Semula bagi menghasilkan mesin pencetak dan salinan mesra alam. Melalui sistem ini, mesin pencetak pelbagai guna lama atau terpakai yang diperolehi daripada pengguna akan dikenalpasti keadaannya sebelum dikitar semula menerusi sistem Kitaran Tertutup Fuji Xerox. Produk-produk ini diperoleh daripada sembilan buah negara termasuk Malaysia dengan kadar kitaran sebanyak 99.1%.

Walaupun produk ini dibuat daripada barangan kitar semula, tetapi mereka memastikan bahawa produk itu mempunyai kualiti terbaik. Maka tidak mustahillah jika pada Ogos 2000, Fuji Xerox menjadi syarikat pertama di Jepun yang berjaya mencatatkan bahan buangan pepejal sifar. Usaha ini diluaskan lagi ke Thailand sehingga tiada sisa bahan buangan pepejal dilaporkan.

Lestarikan Kitar Semula Demi Masa Depan Bersama

Sebagai masyarakat yang prihatin, kita perlu menjadikan amalan kitar semula ini sebagai amalan seisi keluarga. Dengan kitar semula, kita dapat menjimatkan penggunaan sumber asli dan tenaga sekaligus dapat menyelamatkan bumi kita.

Kitar semula memainkan peranan yang amat besar dalam memastikan bumi yang kita diami terpelihara dan terpulihara sekaligus dapat menangani masalah perubahan iklim dunia. Justeru itu, setiap daripada kita perlu memainkan peranan yang lebih aktif demi memastikan kelestarian bumi akan terlaksana.

Rujukan

Portal Rasmi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, (www.ppsppa.gov.my)

Paper Recycling Coalition, (www..paperrecycling.com)

International The News, (www. Thenews.com.pk)

Fujixerox, (www.fujixwerox.com)

THE IMPORTANCE OF OCEAN IN CONTROLLING GLOBAL CLIMATE CHANGE – The Perspective of CO_2 Biological Pump

Khairul Nizam Samsuri | Emel: knizam@doe.gov.my

Oceans are Earth's huge water reservoir that plays important roles in the hydrological system and influences every phase of Earth's dynamics. 70 percent of the Earth's surface is cover by oceans thus making them essential in controlling Earth's climate and in global warming. Human extreme burning of fossil fuels and land use in driving the worlds to better life has cause an increase of carbon dioxide concentration in atmosphere. From the estimated input of CO_2, it is less than 60% are present in the atmosphere. It is because the ocean is found to be taking up the CO_2 in the atmosphere at a rate of 2 gigatons per year (one gigaton of CO_2 equals 1015 grams of carbon). The estimated CO_2 sinks in oceans for 1980-1989 was 2.0±0.6 gigatons carbon per year (Gton C/year). About 244±20 Pg C was emitted into the atmosphere due to fossil fuels burning and cements production such as shown in Table 1. About two-thirds of these emission remained in atmosphere thus increasing atmospheric CO_2 concentration from 281 ± 2 ppm in 1800 to 359 ± 0.4 ppm in 1994 which results in total increase of 165 Pg C. Considering the oceans uptake and storage of CO_2 rate at about 118 ± 19 Pg C and the terrestrial biosphere of 39 ± 28 Pg C from 1800 and 1994 such as in Table 1. It is concluded that the ocean is the only true net sink for anthropogenic CO2 for the past 200 years. Significantly, without the oceans role as CO_2 sinks, the atmospheric CO_2 would be about 55 ppm higher today that it was observed before.

CO_2 sources and sinks	1800 to 1994 (Pg C)*	1980 to 1999 (Pg C)¶
Constrained sources and sinks		
(1) Emissions from fossil fuel and cement production	244† ± 20	117 ± 5
(2) Storage in the atmosphere	−165‡ ± 4	−65 ± 1
(3) Uptake and storage in the ocean	−118§ ± 19	−37 ± 8
Inferred net terrestrial balance		
(4) Net terrestrial balance = [−(1) − (2) − (3)]	39 ± 28	−15 ± 9
Terrestrial balance		
(5) Emissions from land-use change	100 to 180‖	24 ± 12
(6) Terrestrial biosphere sink = [−(1) − (2) − (3)] − (5)	−61 to −141	−39 ± 18

Table 1: Anthropogenic CO_2 budget (1800-1994) and for the decades of the 1980s to 1990s (Sabine et al., 2004)

Biological Pump

Biological pump is a process of fixation of inorganic carbon in organic matter which involves marine organism as main catalyst and also involved other processes such as transformation by food web processes, physical mixing, transport and gravitational sinking (Figure 2). The largest and most understood reactive carbon is dissolved inorganic carbon (DIC) about 38,000 x 1015 g C. Based on Figure 4.2, it is shown that biological pump actually involved the transformation of DIC into organic biomass and pumping it into deep ocean in the form of particulate or dissolved form. Initially, CO_2 from the atmosphere and other trace elements such as N_2 are fixed by phytoplankton which involves photosynthesis process thus releasing dissolved organic matter (DOM). It is also stated that the second largest and least understood is DOM about 685 x 1015 g C. In addition, phytoplankton also being consumed by herbivorous zooplankton and nekton (Figure 3) such as Copepods, Amphipod, Euphausiid and Sergestid shrimp thus producing sinking fecal pellets which can reingested and sink or forming larger sinking aggregates. These herbivorous zooplankton and nekton migrate vertically from surface ocean water which moves upward into surface water during night to feed and eventually moves downward again before dawn. This vertical migration of zooplankton and nekton are important because they increase the export of organic material by ingesting surface-ingested material in their digestive system to deep water and metabolized the organic material. Other factor that also influenced the transportation and assimilation of organic biomass into deep waters are zooplankton molting or mortality from predation. Besides that, DOM is also partially taken up by bacteria and respired which the remaining DOM is mixed into deep sea where about 1% of it's at seabed and consumed. Carbon is stored for millions of years where they only returned back to the surface by thermohaline circulation which involves a very long timescales.

Ocean huge water reservoir and long-term interaction between the ocean and atmosphere play an integral part in



Figure 2: Components of biological pump from surface water into deep ocean seabed (Ducklow et al., 2001)



Figure 3: Commonly found vertical migrating zooplankton and nekton. a) Copepod; b) Amphipod; c) Euphausiid; and d) Sergestid shrimp (Ducklow et al., 2001)

controlling climate change. Ocean also acts as giant reservoir for carbon which they up taking large amount of CO_2 from atmosphere. The uptake of CO_2 from atmosphere across the ocean surface is due to many factors and of them are the biological and gravitational factors that also help to pump this CO_2 in the form of inorganic carbon into the deep sea. The role of ocean is very important to understand and to be preserved in order to reduce the effect of climate change. Without the role of ocean in controlling the anthropogenic releasing of CO_2 concentration in atmosphere, the temperature of the atmosphere will be increasing and induced global warming. Therefore, it is critical to not acting business as usual and takes positive initiative to stop anthropogenic releasing of CO_2 from the source and emphasizing the study to help conserve the role of ocean in controlling climate change. Further study, observation and collecting data should be continue and it is necessary to include the role of ocean in future climate change mitigation and adaptation strategies.

ULASAN BUKU "POLLUTION PREVENTION: Methodology, Technologies and Practices"

oleh Kenneth I. Mulholland and James A. Dyer

Ramli Abd. Rahman | Emel: rar@doe.gov.my



Pencegahan pencemaran mula dikenali dan popular pada tahun 1990an di mana kaedah atau teknologi bagi mengurangkan buangan dan emisi dari proses kimia dilaksanakan bagi menjadikan premis industri lebih mesra alam sekitar. Pelbagai terma atau istilah lain telah digunakan bagi merujuk perkara ini seperti pengurangan buangan, pengurangan di punca, teknologi bersih, dan pembuatan hijau. Namun apa yang pasti, cabaran bagi melaksanakan perubahan-perubahan kepada proses kilang bagi mengurangkan penjanaan buangan kadang kala agak membebankan. Jurutera dan saintis berkenaan berhadapan dengan halangan dan masalah seperti teknologi, ekonomi dan sosial dalam membentuk dan melaksanakan program pencegahan pencemaran di premis masing-masing.

Buku terbitan American Institute of Chemical Engineers ini sangat bermanfaat sebagai rujukan kepada jurutera dan saintis, malah perunding alam sekitar yang mula menceburi bidang pencegahan pencemaran alam sekitar sebagai satu langkah untuk mengurangkan pencemaran dari premis-premis industri. Buku ini mengetengahkan metodologi bersama amalan dan teknologi kejuruteraan yang terbukti keberkesanannya dalam mengurangkan penjanaan buangan di punca dan seterusnya mencegah pencemaran alam sekitar.

Fokus metodologi ialah kepada mengenalpasti amalan-amalan dan teknologi-teknologi kejuruteraan pencegahan pencemaran yang akan mengubah apa yang berlaku dalam sistem perpaipan dan vessels sesuatu proses pembuatan, bukannya tertumpu kepada perubahan mudah atau kosmetik kepada prosedur pemprosesan. Contoh yang menarik ialah "10-Step Method for Engineering Evaluations of Pollution Prevention Methods," di mana penulis telah membahagikan kaedah kepada langkah-langkah mudah seperti mendefinasikan masalah, menetapkan matlamat yang hendak dicapai, serta mengenalpasti, menentukan dan menilai strategi-strategi altenatif bagi setiap permasalahan kilang.

Sebagai tambahan, buku ini juga menyediakan teknik-teknik dan alat-alat (*tools*) untuk menangani kekangan-kekangan hinggalah kepada kaedah pelaksanaan penyelesaian dan pembentukan program pencegahan pencemaran yang berterusan di setiap tahap proses pembuatan di kilang. Kaedah atau metodologi ini telah dilaksanakan dengan jayanya di kilang Du Pont di Amerika Syarikat. Amalan-amalan dan teknologi-teknologi kejuruteraan pencegahan pencemaran yang dibentuk hasil dari penilaian terhadap beratus-ratus kajian kes spesifik proses dari pelbagai industri, telah disusun dengan baik sebagai pelengkap kepada metodologi yang digunakan. Pangkalan maklumat ini menyediakan asas rujukan yang berguna kepada jurutera dan saintis bagi mengenalpasti dengan cepat terhadap perubahan-perubahan yang boleh dilakukan kepada proses kilang bagi mengurangkan penjanaan buangan dan emisi.

Satu ungkapan yang menarik dari buku ini bagi menggambarkan keadaan sebenar program pencegahan pencemaran dan boleh dijadikan panduan atau rujukan semua yang terlibat dalam pengurusan alam sekitar ialah;

Peningkatan proses tidak memerlukan teknologi baru, cuma pemahaman dan penggunaan teknologi sediada dengan lebih baik. Ianya meliputi semakan penilaian dan pembaikan terhadap prosedur operasi hinggalah kepada pengubahsuaian proses yang boleh dipatenkan.

Private Sector Initiatives in **Harvesting Green Energy at Pajam, Negeri Sembilan**

On the 5th of December 2012, the Department of Environment (DOE) organized an educational visit for members of the Working Group for Greenhouse Gas (GHG) Inventory on Waste Sector to Integrated Renewable Energy Park and Chicken Manure Biogas Renewable Energy Project in Pajam, Negeri Sembilan.

The visit was led by Pn. Hajah Kalsom Abd. Ghani, the Director of Air Division in DOE also acting as the chairman of theWorking Group Committee for GHG Inventory on Waste Sector. The objectives of the educational visits were:

To learn about the technical aspects involved in generating renewable energy such as solar panel and biogas plant; and

To engage with the person involved in renewable energy industries and to promote generation of renewable energy and enhance cooperation with the industries

The Integrated Renewable Energy Park in Pajam is a project under Cypark Resources Berhad. The company has developed expertise to generate renewable energy on remediated solid waste disposal sites, turning them into integrated renewable energy park where landfill gas and solar are harnessed to produce sustainable green energy. The integrated renewable energy park is currently supplying electricity to 10,000 houses in Pajam area with the capacity of 8 MW solar power. It is reported that this integrated renewable energy park could reduce CO_2 emission by 30,000 kg a day. For future expansion, it is expected to provide sustainable green energy to power approximately 20,000 houses with its total capacity of 15 MW (13 MW solar power and 2 MW biogas).

The Chicken Manure Biogas Renewable Energy Project is a project being developed under QL Resources Berhad at their poultry farm. This project encompasses biogas plants that process the waste (chicken manure) and convert it into energy. This project will benefit the environment by minimizing odour problem from the farms's daily chicken manure, while it is estimated to generate up to 500 kW of green electrical power from the process.

Figure 1: Solar panel used to harness sustainable green energy at Integrated Renewable Energy Park, Pajam, Negeri Sembilan.

Figure 2: Working Group Committee Member for Greenhouse Gas (GHG) Inventory on Waste Sector at Integrated Renewable Energy Park, Pajam, Negeri Sembilan.

Figure 3: Working Group Committee Member for Greenhouse Gas (GHG) Inventory on Waste Sector at Chicken Manure Biogas Renewable Energy Project, Pajam, Negeri Sembilan.



Figure 4: Flow diagram of solar power process at Cypark Integrated Renewable Energy Park, Pajam, Negeri Sembilan.



Figure 5: Flow diagram of biogas energy generation process at Chicken Manure Biogas Renewable Energy Project, Pajam, Negeri Sembilan

KURSUS PENGENALAN DAN APLIKASI PENGELUARAN BERSIH, 8 – 12 APRIL 2013

Unit Industri Hijau (UIH), Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan Kursus Inisiatif Industri Hijau iaitu Kursus Pengenalan dan Aplikasi Pengeluaran Bersih pada 8 – 12 April 2013 bertempat di Hotel Aston, Nilai. Kursus selama 5 hari ini telah dihadiri oleh seramai 25 pegawai JAS daripada Ibu Pejabat dan JAS negeri di seluruh Malaysia. Kursus ini diadakan untuk memberi latihan kepada pegawai JAS mengenai konsep serta pelaksanaan Pengeluaran Bersih (CP) di industri. Kursus ini merupakan kursus asas yang wajib diikuti oleh pegawai JAS dalam usaha mengkompetenkan mereka dalam bidang CP atau sebagai Juruaudit CP. Aktiviti kursus ini merangkumi pembelajaran dalam kelas seperti kuliah, perbincangan dan latihan dalam kumpulan dan kajian kes. Selain daripada itu, satu lawatan ke premis industri telah diatur sebagai latihan praktikal di lapangan supaya pegawai dapat menjalankan aktiviti audit CP di premis tersebut dan membentangkan hasil audit dalam kelas sebagai tugasan berkumpulan.

BENGKEL KHUSUS PENGELUARAN BERSIH, 17 – 21 JUN 2013

Lanjutan daripada Kursus Pengenalan dan Aplikasi Pengeluaran Bersih yang telah diadakan, satu bengkel iaitu Bengkel Khusus Pengeluaran Bersih telah diadakan di Hotel Quality, Shah Alam pada 17 – 21 Jun 2013. Peserta yang mengikuti kursus ini merupakan pegawai yang telah menghadiri Kursus Pengenalan dan Aplikasi Pengeluaran Bersih sebelum ini. Objektif utama bengkel ini ialah menyediakan pegawai dengan kemahiran khusus dalam membuat pengiraan imbangan jisim dan tenaga yang mana kemahiran ini sangat diperlukan apabila pegawai mengikuti Program Kompetensi Audit Pengeluaran Bersih kelak. Dalam bengkel ini, pegawai telah diajar untuk menjalankan imbangan jisim dan tenaga bagi mengira atau menganggar penggunaan atau kehilangan bahan dan tenaga bagi sesuatu proses di premis. Selain itu, pegawai juga diberi kemahiran bagaimana untuk menjana opsyen-opsyen CP yang sesuai dengan menggunakan kaedah yang sistematik berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada audit CP di premis. Opsyen-opsyen yang dijana akan dapat membantu pihak premis untuk menilai peluang bagi melaksanakan CP di premis dan seterusnya meningkatkan premis mereka kepada status industri hijau.

PROGRAM KOMPETENSI AUDIT PENGELUARAN BERSIH

Program Kompetensi Audit Pengeluaran Bersih Zon Selatan,
20 – 23 Mei 2013
Premis: Perusahaan MAZ Sdn. Bhd., Johor

Program Kompetensi Audit Pengeluaran Bersih Zon Timur,
3 – 6 Jun 2013
Premis: TD Poultry Sdn. Bhd., Terengganu

Program ini merupakan program yang perlu diikuti oleh pegawai JAS dalam usaha untuk mengkompetenkan mereka sebagai Juruaudit CP Jabatan. Program ini dirancang akan diadakan sebanyak 5 kali pada tahun ini dan dibahagikan kepada 5 zon iaitu Selatan, Timur, Tengah, Utara dan Borneo. Setiap zon akan dihadiri oleh 5 - 6 orang pegawai JAS yang telah mengikuti Kursus Pengenalan dan Aplikasi Pengeluaran Bersih. Pada tahun ini, sehingga Jun 2013, UIH telah berjaya menjalankan program ini di Johor Bharu bagi Zon Selatan dan di Kuala Terengganu bagi Zon Timur. Seramai 11 orang pegawai JAS telah dikompetenkan bagi Tahap 2 - Audit Pengeluaran Bersih.

Dalam program ini, pegawai dikehendaki menjalankan audit CP di kilang yang telah ditetapkan dan seterusnya perlu menyediakan laporan untuk menjadikan mereka pegawai yang kompeten dalam melaksanakan audit CP di kilang. Pegawai perlu menyiapkan laporan tersebut dan menyerahkannya kepada UIH pada hari terakhir program untuk dinilai. Kaedah penilaian yang digunakan ialah penilaian laporan audit dan ringkasan audit yang mengandungi sekurang-kurangnya sepuluh (10) opsyen CP yang sesuai bagi premis yang diaudit. Opsyen CP yang dijana akan turut dinilai kebolehlaksanaannya dalam aspek ekonomi dan pengurangan penghasilan jejak karbon (*carbon footprint*). Pegawai juga akan dinilai berdasarkan pengetahuan mereka semasa temubual bersama penyelaras program. Jabatan Alam Sekitar ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perusahaan MAZ Sdn. Bhd. dan TD Poultry Sdn. Bhd. atas kerjasama yang telah diberikan dalam menjayakan program ini bagi Zon Selatan dan Zon Timur.